

Media Monitoring

Publication: **Berita Harian – Online** (Page: 26)

Circulation/Audience: -

Date: **3 December 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Williams penakluk**

Williams penakluk

Oleh Hamid Salleh

Juara berganda di Terengganu

IAN Williams dari England mewakili pasukan Team Pindar meraih kemenangan berganda, semalam apabila menjuarai pertandingan akhir Piala Monsun sehari selepas memenangi Kejohanan Kapal Layar Jelajah 2006/2007 di Pulau Duyong, Kuala Terengganu, kelmarin.

Dalam pertandingan akhir semalam, Williams yang meraih hadiah RM250,000 menewaskan Datuk Peter Gilmour dari Pasukan Pelayaran Pizzala (PST) yang menerima RM150,000 dengan kiraan 3-1. Tempat ketiga Piala Monsun dimenangi pasukan Apport.Net yang dikemudi oleh Bjorn Hansen yang membawa pulang RM100,000.

Hadiah kepada pemenang Piala Monsun disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, manakala hadiah kepada pemenang Kapal Layar Jelajah disampaikan oleh Naib Presiden Persekutuan Pelayaran Antarabangsa, David Kellett.

Turut menyaksikan pertandingan berprestij itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman.

Kemenangan Williams itu, menyebabkan Gilmour yang berpengalaman 40 tahun dan pernah menjuarai empat Piala Dunia terpaksa akur dengan kehebatan anak didiknya.

"Saya mengakui perlawanan akhir memang sengit kerana terpaksa berhadapan Gilmour tetapi nasib menyebelahi saya kerana dapat mengutip mata kemenangan dalam dua pelayaran terakhir," kata Williams.

Williams berkata, dia memang gembira kerana dapat meraih dua piala sekali gus mengucapkan tahniah kepada krew yang memberi kerjasama dengan baik ketika perlawanan akhir.

"Angin kencang dan arus deras di tempat kejohanan ini memerlukan kecekapan jurumudi dan pasukan kami berjaya melalui dengan baik tanpa sebarang kesulitan," katanya.

Sementara itu, Gilmour mengakui kehebatan Williams kerana pasukan lawan bertindak baik dalam perlawanan akhir.

"Pasukan yang mempunyai jurumudi hebat dan kerjasama krew pada pasukan Pindar menyebabkan pasukan saya tewas," katanya.

Gilmour berkata, pada pusingan pertama pasukannya dapat meraih satu mata tetapi dalam dua pusingan berikutnya tewas selepas mendapat penalti ketika memulakan pelayaran.

"Saya sudah melakukan yang terbaik tetapi akur selepas tewas kepada Williams dan berpuas hati dengan menjadi naib juara Piala Monsun 2007," katanya.